

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]
TARIKH : 26 MAC 2014
SOALAN :

YB Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk membendung peningkatan kes-kes seperti pembunuhan kanak-kanak melalui penderaan seks, pengambilan dadah dan hilang kawalan emosi apabila berhadapan dengan masalah keluarga dan kehidupan serta langkah baru yang diambil bagi mengurangkan masalah kesihatan mental yang semakin meruncing akhir-akhir ini.

Tuan Yang di Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merupakan salah satu agensi utama dalam menangani isu penderaan kanak-kanak termasuk penderaan seksual. Selain dari menyediakan perkhidmatan khusus bagi mengendalikan kes- kes penderaan kanak-kanak, melalui Perkhidmatan Pasukan SCAN (Suspected Child Abuse and Neglect), KKM juga